

BH 16 APR 2001

Pelajar UIAM dinasihat tidak sertai perhimpunan

KUALA LUMPUR, Ahad — Polis menasihatkan orang ramai, terutama pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA), tidak menyertai **mana-mana perhimpunan** yang dirancang ketika majlis perasmian universiti itu, Selasa ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, berkata polis sudah mengambil langkah tambahan **bagi** memastikan upacara perasmian UIA oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, **berjalan lancar**.

“Kita sudah mengambil langkah perlu **bagi** memastikan tiada sebarang gangguan **ketika** perasmian Selasa ini,” katanya di **sini** hari ini.

Sejak minggu lalu, **pihak-pihak** tertentu mengedarkan **risalah** mengenai perhimpunan **bagi** membantah perasmian universiti itu.

Risalah itu antara lain **meminta** orang ramai berhimpun di depan pagar utama UIA **bagi** memastikan Perdana Menteri tidak dapat merasmikan **universiti** berkenaan.

Penganjurnya menjangkakan kira-kira 20,000 orang **menyertai** perhimpunan **haram** itu.

Nik Ismail berkata, **bagi** memastikan tiada sebarang **kejadian** buruk berlaku, polis akan menempatkan anggota **tambahan** di UIA, selain **mendapatkan** bantuan Pasukan Polis **Simpanan** Persekutuan (FRU).

“**Anggota** FRU ditempatkan di dua balai polis berhampiran universiti iaitu di Balai Polis **Taman Melawati** dan Ibu **Pejabat** Polis Combak di **Rawang**. Mereka boleh digerakkan **bilabila** masa jika keadaan **memerlukan**,” katanya.